

Malaysia, Turkiye komited terus sokong Palestin

UM - 9/7/2022 w/d: 3

Oleh ZAREEN HUMAIRAH SEJAHAN
zareen.hs@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia dan Turkiye komited untuk terus menyokong perjuangan rakyat Palestin melawan kekejaman tentera Israel.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sempena lawatan rasminya ke Turkiye, beliau bersama Presiden republik itu, Recep Tayyip Erdogan telah berbincang pelbagai isu antarabangsa dan bersependapat untuk memberi sokongan berterusan kepada perjuangan Palestin.

“Saya memaklumkan Malaysia menghargai pendirian dan usaha Turkiye dalam membela rakyat Palestin.

“Kedua-dua negara bersama negara sehaluan akan bersama-sama akan terus menyelaras usaha ke arah menamatkan pendudukan rejim zionis dan merealisasikan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat,” katanya menerusi hantaran di Facebooknya semalam.

Ismail Sabri berada di Turkiye sejak 5 Julai lalu dan pulang ke tanah air semalam.

Dalam pada itu, agenda utama pertemuan sulung antara Ismail Sabri dan Erdogan itu adalah untuk meneliti perkem-



ISMAIL Sabri Yaakob ketika lawatan rasmi ke Turkiye dan bertemu Recep Tayyip Erdogan.

bangkan pelaksanaan Deklarasi Bersama mengenai Rangka Kerja Kerjasama Strategik yang dimeterai pada tahun 2014.

Dalam hantaran yang sama, Ismail Sabri memuji pemimpin

utama Turkiye itu dalam usaha beliau mencapai keamanan bagi perang antara Rusia dan Ukraine.

“Presiden Erdogan sentiasa berusaha untuk mencari jalan perdamaian bagi mengakhiri

konflik berkenaan dan kami bersetuju agar semua pihak yang terlibat mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan konflik yang mengugut keamanan sejagat,” katanya.